

- 1 Rekod perakaunan telah dibuat dengan menggunakan **P** dan **Q** pada tahun 400SM di Mesir. Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Kain	Calamus
B	Papyrus	Kepingan tanah liat
C	Calamus	Papyrus
D	Kepingan tanah liat	Papyrus

- 2 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan milik Nur Alesya.

Apakah Nur Alesya telah merekodkan ambilan untuk kegunaan sendiri ke dalam akaun ambilan. Nur Alesya?

- A** Entiti berasingan
B Usaha berterusan
C Tempoh perakaunan
D Wang sebagai ukuran
- 3 Pemilik Kedai Perabot Modern Zie telah berkunjung ke Kedai Komputer PC Com untuk membeli komputer. Kedai Komputer PC Com menggunakan meja untuk meletakkan komputer yang dijual di kedainya. Berdasarkan situasi di bawah, klasifikasi akaun manakah yang tepat untuk kedua-dua perniagaan?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Perabot Modern Zie	Inventori – Perabot	Alatan pejabat
II	Kedai Perabot Modern Zie	Inventori – Alatan pejabat	Perabot
III	Kedai Komputer PC Com	Inventori – Perabot	Alatan pejabat
IV	Kedai Komputer PC Com	Inventori – Alatan pejabat	Perabot

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Urus niaga berikut telah berlaku dalam perniagaan Kedai Alatan Zahira.

Zahira membayar dengan cek RM5 550 kepada pembekal setelah menerima diskaun tunai sebanyak RM350.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
A	5 550	(5 900)	350
B	5 550	(5 550)	(350)
C	(5 550)	(5 550)	(350)
D	(5 550)	(5 900)	350

5. Pilih padanan yang betul.

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
I	Ambilan	Modal
II	Pulangan masuk	Jualan
III	Pulangan keluar	Jualan
IV	Peruntukan hutang ragu	Akaun Belum Bayar

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
6. Butik Pakaian Nurin menjalankan urus niaga secara tunai dengan Fadzly Enterprise. Aliran dokumen manakah yang berlaku dalam urus niaga tersebut?
- A** Katalog → Pesanan Belian → Invois
B Katalog → Pesanan Belian → Bil Tunai
C Pesanan Belian → Katalog → Invois
D Pesanan Belian → Katalog → Bil Tunai

- 7 Syirah telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggannya bersama dengan Nota Serahan dan Invois. Beliau mendapati bahawa invois yang dikeluarkan telah terlebih nyata. Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Syirah kepada pelanggannya untuk membetulkan invois tersebut?
- A Nota Debit
B Nota Kredit
C Makluman Debit
D Makluman Kredit
- 8 Antara yang berikut, yang manakah akan direkod dalam Jurnal Khas ?
- I Jual barang niaga secara kredit
II Pelanggan memulangkan barangniaga yang rosak
III Mengambil inventori barang niaga untuk kegunaan perniagaan
IV Membeli barang niaga secara tunai
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 9 Maklumat yang berikut merupakan petikan Buku Tunai Perniagaan Chanteq yang menjalankan perniagaan butik muslimah.

Buku Tunai					kt
	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2022				RM
	April	Butik Sireh Pinang			8 000

- Urusniaga manakah yang menerangkan catatan di atas ?
- A Beli secara kredit dari Butik Sireh Pinang
B Perniagaan Chanteq menjelaskan hutang kepada Butik Sireh Pinang dengan cek
C Beli barangniaga dengan cek daripada Butik Sireh Pinang
D Menerima bayaran dari Butik Sireh Pinang dengan cek

- 10** Pada 1 Jun 2022, ketua juruwang Perniagaan Sutera telah memberi kerani akaunnya RM300 untuk membiayai belanja runcit bagi bulan tersebut. Sepanjang bulan itu, sejumlah RM240 telah digunakan untuk perbelanjaan runcit.
Hitung jumlah wang yang akan dibayar balik oleh ketua wang kepada kerani akaunnya pada awal bulan Julai .
- A** RM120
 - B** RM60
 - C** RM240
 - D** RM300
- 11** Akaun manakah yang direkod dalam Lejar Khas ?
- A** Akaun Belian
 - B** Akaun Modal
 - C** Akaun Pinjaman
 - D** Kedai Perabot Darren & Brothers
- 12** Kedai Rizal telah menjual barang niaga bernilai RM400 secara kredit kepada Pn. Fizah. Apakah akaun yang didebitkan dalam urusan tersebut ?
- A** Pn. Fizah
 - B** Kedai Rizal
 - C** Akaun Jualan
 - D** Akaun Belian
- 13** Apakah fungsi Imbangan Duga ?
- A** Menghitung jumlah hasil
 - B** Menyemak ketepatan catatan bergu
 - C** Mengira untung kasar dan untung bersih
 - D** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

- 14 Antara yang berikut, manakah yang menunjukkan hubungan yang betul antara inventori , kos jualan dan untung kasar ?

	Inventori Akhir	Kos Jualan	Untung Kasar
I	Tinggi	Tinggi	Rendah
II	Tinggi	Rendah	Tinggi
III	Rendah	Rendah	Tinggi
IV	Rendah	Tinggi	Rendah

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV
- 15 Antara berikut, yang manakah butiran tidak terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- I Inventori Awal
 II Modal Kerja
 III Untung Kasar
 IV Untung Bersih

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Siffa pada 31 Disember 2021:

2021		RM
Jan 1	Inventori	20 450
Dis 31	Inventori	32 570

Senarai Aset dan liabiliti dalam perniagaan:

	RM
Tunai	1 200
Bank	23 700
Akaun Belum Terima	8 360
Akaun Belum Bayar	4 890

Kirakan jumlah modal kerja dalam Penyata kedudukan kewangan kedai Siffa

A	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021	
	RM	
Modal kerja	60 940	

B	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021	
	RM	
Modal kerja	48 820	

C	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021	
	RM	
Modal kerja	54 000	

D	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021	
	RM	
Modal kerja	41 880	

- 17 Pada 30 April 2021, Cempaka Sdn Bhd telah membayar premium insurans tahunan RM3 600. Tempoh perakaunan syarikat tersebut berakhir pada 31 Disember 2021. Hitungkan belanja insurans bagi tahun 2021.

- A RM 900
- B RM 2 700
- C RM2 400
- D RM3 600

- 18 Catatan bergu yang manakah digunakan untuk merekod penghutang yang tidak mampu membayar hutangnya ?

	Debit	Kredit
A	Akaun Akaun Belum Terima	Akaun Hutang Lapuk
B	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Akaun Belum Terima
C	Akaun Akaun Belum Terima	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Akaun Belum Terima

- 19 Ringkasan Imbangan Duga ini diambil dari Perniagaan Ammar pada 31 Disember 2021.

Imbangan duga pada 31 Disember 2021

Mesin	170 000	
Susut nilai terkumpul mesin		21 000

Maklumat tambahan:

1. Sebuah mesin telah dibeli pada 1 Oktober 2021 bernilai RM30 000 belum dicatatkan
2. Susut nilai mesin telah ditetapkan sebanyak 10% atas nilai kos

Berapakah nilai yang perlu dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi

- A RM17 000 [$170\,000 \times 10\%$]
- B RM17 750 [$170\,000 \times 10\% + 30\,000 \times \frac{3}{12} \times 10\%$]
- C RM17 900 [$200\,000 - 21\,000 \times 10\%$]
- D RM20 000 [$200\,000 \times 10\%$]

- 20 Power Interprise telah memberikan urusan berikut :

Perniagaan telah menetapkan kaedah susut nilai bagi kenderaan 10% setahun atas kos. Sebuah kenderaan telah dijual pada 31 Disember 2021 dengan harga RM27 000. Kenderaan ini telah dibeli pada 1 Januari 2017 dengan harga RM60 000.

Kirakan berapa untung atau rugi bagi pelupusan kenderaan ini

- A Untung RM2 000
- B Rugi RM2 000
- C Untung RM27 000
- D Rugi RM33 000

21 Komputer RM 5 500 untuk kegunaan pejabat telah dibeli secara kredit daripada Computer Digital Berhad tidak dicatat dalam mana-mana buku. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

- | | | | |
|----------|------------------------------|---------|---------|
| A | (Dt) Belian | RM5 500 | |
| | (Kt) Modal | | RM5 500 |
| B | (Dt) Alatan Pejabat | RM5 500 | |
| | (Kt) Modal | | RM5 500 |
| C | (Dt) Belian | RM5 500 | |
| | (Kt) Computer Digital Berhad | | RM5 500 |
| D | (Dt) Alatan Pejabat | RM5 500 | |
| | (Kt) Computer Digital Berhad | | RM5 500 |

22 Mahani Trading memperoleh untung bersih berjumlah RM35 600 bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. Selepas pengiraan untung bersih, kesilapan berikut ditemui oleh kerani akaun perniagaan.

- Sewa prabayar RM650
- Komisen diterima belum terperoleh RM1 230
- Belanja membaiki mesin bernilai RM1 540 direkodkan di dalam Akaun Mesin

Berapakah untung bersih selepas pembetulan kesilapan?

- A** RM32 180
- B** RM33 480
- C** RM34 640
- D** RM39 020

- 23 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Muhibbah Berhad

Tahun	Nisbah Semasa
2020	2:3
2021	2:1

Tafsirkan prestasi syarikat bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020.

- A Merosot dan tidak mampu membayar hutang
 - B Meningkatkan ke tahap kecairan yang paling baik
 - C Merosot tetapi masih mampu membayar hutang
 - D Meningkatkan terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan
- 24 Item manakah yang menambahkan nilai ekuiti pemilik?
- A Belanja
 - B Ambilan
 - C Rugi bersih
 - D Modal tambahan
- 25 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan kepunyaan Encik Haziq yang menyimpan rekod tidak lengkap

	<u>RM</u>
Modal akhir	7 000
Ambilan	6 800
Modal awal	11 000
Modal tambahan	800

Berapakah keuntungan atau kerugian perniagaan tersebut?

- A Untung bersih RM2 000
- B Untung bersih RM12 000
- C Rugi bersih RM2 000
- D Rugi bersih RM12 000

- 26 Puan Helen, pemilik Kedai Cenderahati Cemerlang tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2021.

	<u>RM</u>
Baki Akaun Belum Terima 1 Jan 2021	4 010
Diskaun diterima	170
Pulangan masuk	280
Hutang lapuk	206
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	6 018
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021	2 420

Berapakah jumlah jualan kredit Kedai Cenderahati Cemerlang?

- A RM8 264
 B RM8 094
 C RM4 914
 D RM4 524
- 27 Mengapakah tugas pengendalian tunai diasingkan daripada tugas merekod urus niaga tunai?
- A Memastikan perniagaan mendapat keuntungan maksimum
 B Menjimatkan masa merekod ke dalam buku-buku perakaunan
 C Memudahkan kerja merekod ke dalam buku-buku perakaunan
 D Mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan wang tunai
- 28 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

<u>Penyata Penyesuaian Bank Pada 30 September 2021</u>			
		<u>RM</u>	<u>RM</u>
R			(200)
Tambah:	Cek belum dikemukakan	1 000	
	Dividen	<u>300</u>	
			<u>1 300</u>
			1 100
Tolak:	Deposit belum dikreditkan	700	
	Caj bank	<u>20</u>	
			<u>720</u>
S			<u>380</u>

Apakah R dan S?

	R	S
A	Baki debit di Buku Tunai	Baki debit di Penyata Bank
B	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki kredit di Buku Tunai
D	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank

29. En Kamal bercadang memulakan projek ternakan ayam pada Januari 2022. Maklumat berikut diperoleh daripada belanjawan tunai beliau.

RM

Modal :

Tunai di bank	55 000
Peralatan	30 000
Penerimaan	150 000
Pembayaran	78 100

Berapakah baki akhir bulan Januari 2022?

- A RM127 900
 B RM126 900
 C RM156 900
 D RM 71 900
30. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Imran Raha.

RM

Untung bersih	16 000
Ambilan	5 000
Faedah atas modal	2 000
Faedah atas ambilan	500
Gaji Imran	5 000

Untung atau rugi perkongsian dibahagi antara Imran dan Raha mengikut nisbah 3:2. Berapakah jumlah kongsi untung Raha yang akan dipindahkan ke Akaun Semasa?

- A RM5 700
 B RM9 500
 C RM3 800
 D RM16 500

31. Maklumat berikut menunjukkan Akaun Realisasi Perkongsian Merah. Cik Melati dan Encik Rahmat berkongsi untung atau rugi perniagaan dengan nisbah 2 : 1.

Akaun Realisasi			
	RM		RM
Premis	75 400	Bank	47 300
Akaun Belum Terima	3 800		

Maklumat tambahan:

- i) Belanja realisasi ialah RM 2 000.
- ii) Alatan pejabat diambil alih oleh Cik Melati pada harga RM8 700

Hitungkan untung atau rugi realisasi Encik Rahmat.

- A Rugi realisasi RM8 400
 - B Rugi realisasi RM11 300
 - C Untung realisasi RM11 300
 - D Untung realisasi RM8 400
32. Pernyataan yang manakah menerangkan ciri Syer Biasa?
- A Menerima kadar dividen yang tetap
 - B Berhak menerima dividen terlebih dahulu
 - C Mempunyai kuasa mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
 - D Mendapat keutamaan menuntut modalnya apabila perniagaan dibubarkan
33. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Syafie Berhad.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	RM
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	4 000 000

Ahli Lembaga Pengarah syarikat telah bersetuju untuk membayar dividen interim bagi 6 bulan pertama untuk Syer Keutamaan.

Berapakah dividen interim Syer Keutamaan?

- A RM40 000
- B RM120 000
- C RM240 000
- D RM1 440 000

34. Kelab Futsal Taman Ria mempunyai 150 orang ahli. Pada 1 Januari 2021, baki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab tersebut.

Akaun Yuran			
	RM		RM
Yuran belum terima	660	Yuran belum terperoleh	280
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	?		
Yuran belum terperoleh	180		

Maklumat tambahan :

Yuran ahli yang telah diterima bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM5 880.

Berapakah jumlah yuran sepatutnya diterima pada tahun 2021?

- A RM5 320
B RM5 880
C RM6 440
D RM6 080
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Sukan Renang JDT pada 30 Jun 2022.

	RM
Baki awal	1 500
Yuran Ahli	4 000
Yuran masuk	300
Kadar bayaran	150
Upah cuci kolam	200
Baki akhir	M

Hitungkan nilai M.

- A RM4 850
B RM5 250
C RM5 450
D RM6 150

- 36 Maklumat di bawah diperoleh daripada buku Kelab Golf Golden pada 31 Disember 2022.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022			
Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran	2 500		
Maklumat Tambahan:			
(i) Yuran belum terima pada 31 Disember 2022 ialah RM 120.			
(ii) Yuran yang diterima termasuk RM 250 untuk tahun 2023.			

Hitungkan jumlah yuran bagi tahun 2022.

- A RM 2 370
B RM 2 550
C RM 2 680
D RM 2 920
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Rekreasi Rajawali yang menjalankan aktiviti rekreasi dan perkhidmatan restoran untuk ahlinya.

Kelab Rekreasi Rajawali Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021			
	RM		RM
Bil utiliti	800	Yuran ahli	18 050
Gaji	3 500	Untung restoran	2 530
Sewa	1 300		

Hitungkan lebihan atau kurangan yang diperolehi kelab ini.

- A Lebihan RM12 450
B Lebihan RM14 980
C Kurangan RM14 980
D Kurangan RM12 450

38 Butiran yang manakah merupakan kos buruh langsung?

- A Gaji pembantu stor kilang
- B Upah baik pulih kilang
- C Upah operator kilang
- D Gaji pengurus kilang

39 Data berikut diperoleh daripada Kilang Baju Champion.

	RM
Gaji pekerja pengeluaran	18 000
Kos bahan langsung	35 000
Belanja susut nilai mesin	40 500
Inventori akhir barang siap	25 600

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM67 900
- B RM78 600
- C RM93 500
- D RM119 100

40 Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran makanan sejuk beku oleh Perusahaan Frozen Food Permata.

	RM
Harga jualan sepeket	20
Kos berubah sepeket	12
Kos tetap	1 200

Berapakah jumlah paket yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan sasaran sebanyak RM4 000?

- A 150 paket
- B 260 paket
- C 500 paket
- D 650 paket

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT